

01 SEP 1997

Mahathir-Diana

DR MAHATHIR SEDIH DENGAN KEMATIAN DIANA

KUALA LUMPUR, 1 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali sedih atas kematian Princess of Wales, Diana Spencer.

Dr Mahathir secara literal menyifatkan Diana mati akibat "diburu" oleh media sambil berkata dalam hubungan ini, media harus mengamalkan etika berhubung dengan kehidupan peribadi tokoh tertentu.

"Saya berasa amat kesal...saya berpendapat mereka harus mengamalkan etika tertentu kerana tidaklah adil untuk "memburu" beliau di seluruh pelusuk dunia.

"Tidak adil untuk berbuat demikian ke atasnya," kata beliau kepada pemberita di sini malam ini ketika ditanya reaksi beliau mengenai kematian Diana semalam.

Dr Mahathir sebelum itu mengiringi isterinya ke majlis jamuan Persidangan Wanita Rantau Pasifik dan Asia Tenggara.

Diana, 36, dan rakannya Dodi Al-Fayed, 41 serta pemandu mereka terbunuh apabila kereta yang mereka naiki melanggar tembok dalam sebuah terowong di Paris selepas dikejar oleh jurugambar yang menunggang motosikal.

Dr Mahathir berkata kejadian seperti itu tidak harus berlaku kepada Diana bagi publisiti terhadap perkara baik yang telah dilakukannya.

"Saya fikir semua pihak sekarang tentu berasa kesal tetapi tidak lama lagi orang akan bercakap semul mengenai kebebasan akhbar dan hak untuk mengganggu kehidupan peribadi seseorang.

"Hari ini mereka berasa kesal tetapi esok mereka akan berkata ini kebebasan akhbar dan pada masa depan mereka akan mendedahkan apa yang telah dilakukan dan beliau akan dikritik kerana mahukan publisiti untuk dirinya sendiri," kata beliau. -- BERNAMA

NI FAZ